

Kepemimpinan baru azam pertingkat sosioekonomi

BH - 26/6/2006

BARISAN kepemimpinan baru MIC digesa melipatgandakan usaha memantapkan tahap sosioekonomi masyarakat India secara khusus dan rakyat secara umum sebagai sumbangan terhadap keberkesanan Barisan Nasional (BN) membangunkan ekonomi negara.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata mandat yang diberi perwakilan pada pemilihan sempena Perhimpunan Agung MIC ke-60 kelmarin harus menjadi iktibar kepada pucuk pimpinan untuk merapatkan barisan dan memperkuatkan lagi perpaduan dalam parti demi menjamin kemajuan masyarakat India Malaysia.

"Saya berterima kasih atas kepercayaan perwakilan memilih calon yang dapat bekerjasama dengan saya dalam menjayakan agenda dan program parti untuk meninggikan lagi taraf hidup masyarakat India di negara ini.

"Saya yakin pasukan baru ini dapat menghadapi dan mengatasi cabaran yang dihadapi masyarakat India sekarang, selain memanfaatkan segala program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) supaya masyarakat India juga memainkan peranan dalam pembangunan negara.

"Sehubungan itu, saya minta tiga Naib Presiden parti masing-masing menubuhkan pasukan petugas khas bagi menjelajah ke seluruh negara dan bertindak proaktif bagi menyelesaikan masalah," katanya dalam ucapan penutup perhimpunan agung

parti, di sini semalam.

Pemilihan MIC kelmarin menyaksikan tiga calon naib presiden pilihan Samy Vellu iaitu Datuk S Verasingam dan Tan Sri KS Nijhar selain Datuk S Sothinathan serta 23 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) menyapu bersih semua jawatan yang dipertandingkan.

Pertandingan itu juga menyaksikan penyingkiran bekas Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam, yang menjadi duri dalam daging kepada Samy Vellu sejak 24 tahun lalu apabila ditewaskan Datuk G Palanivel.

Semalam, Samy Vellu turut mengumumkan pelantikan Dr S Sub-

ramaniam selaku Setiausaha Agung MIC, M Saravanan sebagai Ketua Pengerangan, manakala Tan Sri M Mahalingam dilantik sebagai Bendahari Agung. Beliau juga boleh melantik sembilan lagi anggota CWC menggunakan kuasanya selaku presiden.

"Kita mahu setiap cawangan MIC mewujudkan kumpulan kecil mengandungi 25 ahli Wanita, 25 ahli Pemuda dan 20 ahli Puteri bagi menjalankan program khusus untuk masyarakat setempat, termasuk mengenal pasti masyarakat miskin, warga tua, ibu tunggal dan masyarakat kurang upaya mendapatkan bantuan agensi Kerajaan pada peringkat daerah.

"Bahagian MIC juga harus memainkan peranan memastikan masyarakat setempat merebut peluang yang ditawarkan kerajaan seperti latihan kemahiran industri, latihan perniagaan dan pinjaman mikro serta peluang pekerjaan dalam sektor awam," katanya.

Sebagai agenda utama dalam RMK-9, MIC akan menganjurkan Forum Perundingan Ekonomi Kebangsaan sebelum akhir tahun ini bagi menggubal pelan tindakan kebangsaan yang akan memastikan penyertaan masyarakat India dalam pembangunan ekuiti dan keusahawanan.

Pada masa sama, kata Samy Vellu, jentera MIC akan memperkukuhkan kerjasama dengan badan profesional dan pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta bagi menzahirkan segala perancangan dalam RMK-9.

FAKTA NOMBOR

Keanggotaan program sosial MIC

25

Wanita

25

Pemuda

20

Puteri